

**BN Sedia Tunjuk Pintu Keluar Kepada DAP Di Melaka
Bernama
10 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Kesiapsiagaan jentera Barisan Nasional (BN) dan sokongan yang semakin meningkat terhadap parti itu di Melaka merupakan faktor penting yang menyakinkan BN untuk menunjukkan "pintu keluar" kepada DAP di negeri itu pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13).

Pengerusi BN Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata yang penting sekarang ialah memastikan jentera BN mengekalkan momentum menyerang pembangkang dan mempertahankan kerusi disandang pada "pecutan akhir" menjelang hari pengundian 5 Mei nanti.

"Kita telah berusaha keras selama empat tahun, jadi tidak guna kalau kita usaha empat tahun tetapi pada pecutan akhir, kita sudah lemah. Inilah masanya kita masuk "gear penuh" dan tekan minyak habis bagi memastikan kemenangan besar BN pada PRU-13.

"Sokongan penduduk di kawasan DAP (di Melaka) terhadap kita (BN) bertambah baik berbanding PRU lepas hasil kerja keras jentera kita, jadi tak mustahil kita rampas semua kerusi mereka (di Melaka), malah BN mampu buat kejutan dengan merampas Pulau Pinang," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri program perjumpaan Pengerusi BN Datuk Seri Najib Tun Razak bersama jentera parti di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, Rabu.

Pada PRU lepas, DAP memenangi satu kerusi parlimen (Kota Melaka) dan lima kerusi dewan undangan negeri (DUN)(Bachang, Ayer Keroh, Kesidang, Kota Laksamana dan Bandar Hilir) manakala selebihnya dimenangi BN.

Melaka mempunyai enam kerusi parlimen dan 28 kerusi DUN. Berdasarkan daftar pemilih yang diwartakan pada 27 Nov lepas, negeri itu mempunyai 434,485 pengundi.

Ditanya sama ada beliau akan mempertahankan kerusi DUN Bukit Baru atau berpindah ke kerusi Parlimen Bukit Katil, Mohd Ali berkata keputusan itu masih belum diputuskan pucuk pimpinan parti.

"Itu semua rahsia parti, tidak boleh cakap. Presiden (Najib) kata masih dipertimbangkan, semua ada peluang, belum putus lagi (calon) buat masa ini," katanya.

Pada 18 Jan lepas, Mohd Ali menyatakan kesediaannya untuk bertanding kerusi parlimen, dan hasrat itu telah disuarakan kepada Najib.

Sementara itu, Anggota Parlimen Tangga Batu Datuk Idris Haron yang juga calon utama disebut-sebut menggantikan Mohd Ali sekiranya Ketua Menteri Melaka itu berpindah ke kerusi parlimen, berkata spekulasi siapa pengganti Mohd Ali bukanlah perkara utama yang perlu difikirkan buat masa ini.

"Yang penting bagi saya sekarang ialah memastikan kemenangan besar BN di Melaka dan seluruh negara. Saya mahu beri komitmen kepada pimpinan parti bahawa saya akan pastikan parti menang besar. Saya bersedia bantu parti dalam segala bentuk sumber dan tenaga," katanya.

Idris yang juga Ketua Penerangan BN Melaka menasihatkan anggota BN menyokong calon yang telah ditentukan pucuk pimpinan parti dan tidak sama sekali melakukan sabotaj sekira tidak dipilih menjadi calon pada PRU13 nanti.

"Kalau orang lain jadi calon kita kena sokong kerana calon ini telah disahkan pucuk pimpinan mampu memberi sumbangan besar kepada kawasan kita nanti. Kita kena letakkan kepentingan parti mengatasi kepentingan diri kita sendiri," katanya.

Selain itu, BN Melaka bakal menerima khidmat PPP untuk bertanding buat kali pertama di negeri itu menentang DAP di kerusi DUN Kota Laksamana yang kini disandang Betty Chew iaitu isteri Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang, pada pilihan raya 5 Mei ini.

Mengulas perkara itu, Presiden PPP Datuk M Kayveas berkata MCA bersetuju menyerahkan kerusi DUN kepada PPP kira-kira dua tahun lepas dan kerusi itu tidak pernah dimenangi BN sebelum ini.

"Kita telah bekerja keras di sana sejak dua tiga tahun lepas, kita yakin dengan kekuatan jentera kita, PPP mampu merampas Kota Laksamana daripada DAP. Sokongan pada kita pun terus kukuh di sana dan kita boleh buat lebih baik untuk rakyat berbanding DAP di sana," katanya.

Ditanya siapa calon PPP untuk mengisi kerusi itu, beliau berkata PPP dan Moh Ali telah sepakat mencalonkan Pengerusi PPP Melaka Datuk Chiu Tiang Chai, namun senarai akhir calon akan ditentukan Najib nanti.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941021>